

**MD. SALLEH Md. Said**

Universiti Putra Malaysia

**MOHAMMAD AGUS Yusoff**

Universiti Kebangsaan Malaysia

**LEO Agustino**

Universiti Kebangsaan Malaysia

**JAYUM Jawan**

Universiti Putra Malaysia

**MASYARAKAT SIVIL DAN PENDEMOKRASIAN:  
PERBINCANGAN KONSEPTUAL  
CIVIL SOCIETY AND DEMOCRATIZATION IN MALAYSIA : A  
CONCEPTUAL ANALYSIS**

*Artikel ini membincangkan analisis konseptual mengenai masyarakat sivil dan hubungannya dengan proses pendemokrasian. Perbincangan ini penting kerana dua sebab. Pertama, pendemokrasian di banyak negara selalunya dimulakan oleh gerakan masyarakat sivil yang mahukan perubahan politik. Justeru perjuangan masyarakat sivil inilah, maka berlaku protes rakyat untuk menuntut ruang demokrasi yang lebih luas. Oleh sebab itu, persoalan yang dibangkitkan dalam pembahasan artikel ini adalah apa yang dimaksudkan dengan masyarakat sivil? Dan bagaimana ia boleh terbentuk? Kedua, apakah kaitannya antara masyarakat sivil ini dengan proses pendemokrasian? Apa faktor yang mendorong berlakunya proses pendemokrasian? Temuan mendapati masyarakat sivil adalah penyumbang penting dalam proses pendemokrasian yang berlaku di kebanyakan negara bukan demokrasi, khususnya Eropah Timur, Amerika Selatan dan Asia. Ini kerana masyarakat sivil memiliki kemampuan untuk menghadapi tindakan kerajaan yang represif, hegemoni dan dominatif terhadap rakyat. Di akhir analisis, artikel ini menunjukkan masyarakat sivil memainkan peranan yang amat penting dalam mencegah berlakunya tirani negara kerana keupayaannya bertindak sebagai pembela, pengantara, pembangkang dan penyokong yang berjuang dengan kuat untuk memajukan demokrasi di negara mereka masing-masing.*

**Katakunci:** Masyarakat Sivil, Demokrasi, Pendemokrasian

*This article conceptually analyses the relationship between civil society and democratization process. This discussion is important for two reasons; firstly, democratization in many countries is oftenly being initiated by civil society movements seeking for political*

*changes. It has been the role of civil society that has opened up demand for more social-political freedom. Hence, a question is raised in this article, what do we meant by civil society? How is it formed? Secondly, what is the relationship between civil society and the process of democratization? What are factors that have driven and shaped democratization process? The article argues that civil society is a vital factor in democratization process in many non-democratic countries either in Eastern Europe, South America or Asia. It can be argued that civil society has the ability to deal with repressive, hegemonic and dominative government actions against the people. Finally, this article also argues that civil society plays a crucial role in preventing tyranny and act as advocators, intermediaries, opposition and supporters who fought hard in promoting and fosteing democracy in their respective countries.*

**Keywords:** *Civil Society, Democracy, Democratization*

## **Pengenalan**

Masyarakat sivil dan pendemokrasian merupakan fenomena menarik kerana ia adalah saling berkait. Ini kerana ia boleh melahirkan rejim yang demokratik dan juga boleh menghasilkan rejim yang lebih autokratik. Sejarah telah membuktikan beberapa gerakan masyarakat sivil telah berjaya menjatuhkan rejim autokratik dan melaksanakan transisi demokrasi; ini boleh dilihat dalam kes Filipina pada tahun 1986, Poland pada tahun 1989, Indonesia tahun 1998 dan lainnya. Manakala, beberapa protes masyarakat sivil yang menghasilkan rejim yang lebih autokratik adalah seperti yang terjadi di Nigeria pada tahun 1983, Peru pada tahun 1992, dan Sierra-Leonne pada tahun 1997.<sup>1</sup>

Umumnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya protes masyarakat sivil di negara berkenaan. Antaranya ialah kemunduran ekonomi, berlakunya pencabulan hak asasi manusia, protes ke atas sistem satu parti (ataupun sistem parti hegemonik), menolak rejim ketenteraan, dan rejim kediktatoran yang represif. Kesan protes masyarakat sivil di negara membangun acap kali berjaya melemahkan kesepaduan dan kekuatan rejim berkuasa. Kesempatan inilah yang kemudiannya dimanfaatkan oleh para aktivis masyarakat sivil untuk terus melakukan protes politik demi mendorong transisi menuju demokrasi. Maka dari sinilah bermulanya gerakan pendemokrasian masyarakat sivil di negara-negara sedang membangun dengan tujuan untuk mencapai perbaikan ekonomi, penghormatan terhadap hak asasi manusia,

<sup>1</sup> Untuk perbincangan lanjut tentang protes politik yang membawa kepada kewujudan rejim demokratik, lihat *inter alia* perbincangan menarik dalam Dios (1988), Huntington (1991) dan O'Rourke (2002). Manakala jika mahu melihat contoh protes politik yang membawa kepada rejim yang menjadi autoratik pula, lihat perbincangan lebih lanjut mengenai hal ini dalam Kay (1996), Emelifeonwu (1999), Keen (2005), Mann (2005) dan Radu (2006).

menciptakan keadilan sosial, membentuk sistem multipartai, dan membina kestabilan politik. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan analisis konseptual masyarakat sivil dan hubungannya dengan pendemokrasian.

### **Masyarakat Sivil: Pendekatan Historis Dan Teoritis**

Tema mengenai masyarakat sivil mula mendominasi wacana politik oleh para sarjana Barat pada tahun 1980-an apabila banyak negara di Eropah Timur menjadi demokratik dan pecahnya Kesatuan Soviet yang juga bergerak ke arah demokrasi. Perbincangan tentang peranan masyarakat sivil sebagai agen perubahan—khususnya dalam mencetuskan fenomena pendemokrasian—telah mendapat perhatian istimewa di kalangan sarjana sains sosial dan sains politik seperti Hall (1995), Baker (2002), Avritzer (2004), Celichowski (2004) dan Burrage (2008).<sup>2</sup> Walaupun mereka berbeza pendapat mengenai peranan masyarakat sivil, namun mereka bersetuju dengan satu perkara: bahawa masyarakat sivil adalah agen perubahan penting, sama ada sebelum atau selepas pendemokrasian dalam mempengaruhi transformasi dan perkembangan sistem politik sesebuah negara.

Dari segi sejarahnya, konsep masyarakat sivil bermula dan berkembang dalam tradisi pemikiran politik Barat. Seorang ahli falsafah, Heraclitus (500 SM) adalah orang pertama yang mula memikirkan peranan masyarakat sivil dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat, walaupun secara eksplisit beliau tidak pernah menyebutkan istilah masyarakat sivil itu

2 Mengikut Hall (1995), peranan masyarakat sivil tidak hanya sekadar menjadi enjin penggerak, tetapi juga sebagai enjin idea bagi para pejuang demokrasi. Tidak jauh berbeza dengan hujah Hall, Baker (2002) menggariskan bahawa ketiadaan kumpulan masyarakat sivil dalam sesebuah negara dapat merencatkan kadar demokrasi di negara tersebut. Ini kerana masyarakat sivil tidak hanya sebagai pengawal bagi tumbuh segarnya demokrasi, tetapi juga turut memainkan peranan yang besar dalam menyedarkan masyarakat tentang pentingnya demokrasi. Dalam konteks ini, masyarakat sivil juga melakukan sosialisasi politik kepada masyarakat luas untuk dapat menilai sikap pemerintah berkuasa. Dan apabila kerajaan telah terkeluar dari cita-cita undang-undang, maka rakyat dan masyarakat sivil akan turun ke jalan menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap prestasi kerajaan. Manakala Avritzer (2004) dan Celichowski (2004) pula akur mengenai peranan masyarakat sivil sebagai pembela demokrasi. Tidak hanya sebagai pembela, beberapa peranan lain pun turut dimainkan oleh kumpulan masyarakat sivil seperti menjadi pengantara antara pemerintah dan rakyat, penyemak dasar kerajaan yang sedang digubal dan lainnya. Kajian terkini yang dibuat oleh Burrage (2008) juga menarik perhatian kerana menggariskan dengan jelas kaitan antara masyarakat sivil dengan proses pendemokrasian. Mengikut hujahnya, masyarakat sivil di negara bukan demokrasi terbahagi dalam dua kategori besar iaitu masyarakat sivil yang 'bekerja' untuk demokrasi dan masyarakat sivil yang 'bekerja' untuk negara. Masyarakat sivil yang disebutkan pertama, selalu menjadi penyeimbang bagi masyarakat sivil yang disebutkan terakhir. Ini kerana masyarakat sivil yang bekerja untuk negara melakukan sosialisasi atau penanaman 'nilai' pada minda masyarakat sesuai dengan kehendak negara. Tujuan kumpulan ini hanya satu iaitu menyebarkan dan memantapkan nilai demokrasi yang sejati pada minda masyarakat, dan proses inilah yang kemudiannya disebut sebagai proses pendemokrasian—proses penyebaran nilai demokrasi yang lambat laun diteruskan oleh rakyat dan negara sebagai bentuk penerimaan prinsip demokrasi. Peningkatan kadar demokrasi inilah yang diharapkan dalam proses pendemokrasian—dari yang mulanya tiada menjadi ada (Burrage 2008:285).

sendiri. Beliau meneroka mengenai hukum ketuhanan (*devine law*) yang pada akhirnya berjaya menjaga hak asasi manusia. Tradisi pemikiran ini kemudian dikembangkan oleh ahli falsafah lainnya seperti Plato (427-347 SM), Aristotle (384-332 SM), Cicero (106-43 SM) dan St. Thomas Aquinas (1227-1274).<sup>3</sup> Bahkan, St. Thomas Aquinas adalah orang pertama yang memperkenalkan istilah *civil society* (atau *societas civilis* dalam bahasa Latin) dalam bukunya yang bertajuk *Summa theologiae*. Dalam buku ini beliau membahagikan hukum masyarakat sivil kepada dalam empat kategori, iaitu: (i) *lex aeterna*, (ii) *lex naturalis*, (iii) *lex positiva* dan (iv) *lex divina*, di mana dalam setiap hukum (*lex*) tersebut tersemat peranan masyarakat sivil, khususnya dalam *lex naturalis* (Miller 2002:188).<sup>4</sup> *Societas civilis* yang dimaksudkan oleh St. Thomas Aquinas adalah masyarakat sivil sebagai masyarakat politik yang memiliki aturan hukum tertentu bagi mengatur pergaulan hidup antara individu dalam sebuah masyarakat negara-kota (*polis* ialah istilah Latin untuk *city-state*). Dalam kehidupan kota, warga masyarakat hidup di bawah hukum sivil sebagai dasar yang mengatur kehidupan bersama. Namun, pandangannya ini berbeza dengan masyarakat sivil yang ditakrif dan difikir oleh Aristotle, di mana masyarakat sivil dianggap sebagai *koinonia politike* yang lebih bersifat kolektif.<sup>5</sup>

Daripada kedua-dua ahli falsafah tersebutlah (Aristotle dan St. Thomas Aquinas) pemahaman tentang masyarakat sivil ini dikembangkan oleh para pengikutnya pada abad ke-16 hingga kini seperti Thomas Hobbes, John Locke, Jean Jacques Rousseau, Adam Ferguson, Immanuel Kant, Thomas Paine dan G.W.F. Hegel. Dari ramainya sarjana yang membincangkan mengenai masyarakat sivil, dua pandangan pemikir besar yang perlu diberi perhatian ialah Locke dan Rousseau. Kedua-dua tokoh di atas tidak membezakan antara masyarakat sivil (*civil society*), masyarakat politik (*political society*) dan negara (*state*). Locke (1988) misalnya mendefinisikan masyarakat sivil sebagai masyarakat politik yang datang dalam keadaan alamiah (*state of nature*).<sup>6</sup>

3 Pemikir besar lain yang juga turut mengembangkan konsep masyarakat sivil selepas keempat-empat ahli falsafah di atas ialah Hugo Grotius (1583-1645), Thomas Hobbes (1588-1679), Samuel Pufendorf (1632-1694), John Locke (1632-1704), Jean Jacques Rousseau (1712-1778), Adam Ferguson (1723-1816), Immanuel Kant (1724-1804), Adam Smith (1732-1790), Thomas Paine (1737-1809), dan G.W.F. Hegel (1770-1831). Untuk perbincangan lebih lanjut mengenai hal ini, lihat antara lain, Miller (2002), Scalet & Schmitz (2002) dan Dreano (2004).

4 *Lex naturalis* adalah hukum kudrat yang ada pada diri setiap manusia, dan negara wajib untuk menjaganya demi menciptakan keadaan yang aman dan tenteram. Antara hukum kudrat tersebut ialah hak hidup, hak bersuara, hak bersatu dan hak berkeluarga. Untuk memahami maksud dan makna *lex naturalis*, lihat Scherer *et al.* (1979) dan Miller (2002).

5 *Koinonia politike* yang dimaksudkan oleh Aristotle adalah suatu komuniti politik tempat masyarakat terlibat langsung dalam pelbagai arena ekonomi dan politik bagi menetapkan sesuatu keputusan. Untuk perbincangan dan pemahaman lebih lanjut mengenai *koinonia politike*, lihat Scherer *et al.* (1979) dan De Lue (1997).

6 *State of nature* dalam pandangan Locke adalah baik. Ini kerana manusia terlahir ke dunia dalam keadaan bersih dan suci. Oleh itu, seperti mana yang diandaikan oleh Locke bahawa keadaan alamiah manusia adalah baik, maka masyarakat sivil yang terdiri dari himpunan manusia

Masyarakat politik pula, menurut Rousseau (1987) merupakan hasil dari suatu perjanjian sosial (*social contract*). Negara dalam konsep kedua-dua pemikir di atas dipandang sebagai sebahagian dan salah satu bentuk masyarakat sivil. Bahkan Locke dan Rousseau menganggap bahawa masyarakat sivil adalah pemerintahan sivil yang membezakan diri daripada masyarakat alamiah atau keadaan alamiah (Trentmann 2004:28).

Walaupun begitu, mereka berbeza pendapat dalam beberapa hal. Misalnya, Locke dan Rousseau pada asasnya menghendaki suatu bentuk masyarakat beradab dalam erti kata menghendaki peranan negara yang terhad. Masyarakat sivil hadir untuk meredam konflik dan mencegah masyarakat agar tidak jatuh pada keadaan yang kacau-bilau dan anarki. Bagi Locke (1988), untuk mengawal dan mengawasi peri laku politik rakyat, masyarakat sivil perlu hadir untuk menjaga kebebasan dan melindungi hak milik individu. Masyarakat sivil harus demokratik, tidak boleh bersifat mutlak. Peranannya terhad pada wilayah yang dapat dikelola sendiri oleh masyarakat dengan memberi ruang cukup luas bagi warga dalam memperoleh haknya secara demokratik. Begitulah pendapat Locke tentang masyarakat sivil yang juga didokong oleh Rousseau.<sup>7</sup>

Dalam perkembangan selanjutnya, konsep masyarakat sivil muncul dengan makna yang bertambah dalam. Masyarakat sivil tidak lagi sama dan menjadi terpisah dengan masyarakat politik dan negara. Adam Ferguson, ahli falsafah Scotland abad ke-18 adalah orang yang memisahkan kedua entiti tersebut. Beliau melihat masyarakat sivil sebagai susunan masyarakat yang kuat dalam mengimbangi peranan negara dari dominasi pemerintah yang zalim (Chandhoke 1995:132-135). Dengan kata lain, masyarakat sivil haruslah lebih kuat untuk mengawal negara demi menjamin keperluan warga negara dan hak asasi rakyatnya. Dalam hal ini, Keane (1988:44-45) memposisikan masyarakat sivil secara diametral dengan negara, iaitu semakin sempurna masyarakat sivil, maka semakin besar pula keupayaannya untuk mengawal pemerintahan negara.

Sehubungan itu, pemikiran Hegel (1977) mengenai masyarakat sivil sebagai entiti autonomi yang berlawanan dengan negara adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian. Ini kerana Hegel melihat masyarakat sivil mempunyai kehendak yang kerap tidak sejajar dengan negara. Walaupun begitu, hubungan antara negara dan masyarakat sivil tidaklah bersifat bebas tetapi saling mengawasi, khususnya dalam kerangka mencipta kebaikan bersama. Oleh itu, negara tidak boleh membiarkan masyarakat sivil tanpa kawalan. Ini kerana masyarakat sivil mempunyai potensi besar untuk mengancam kestabilan pun bersifat baik. Yang dicari manusia dalam kehidupan adalah kesejahteraan, kemakmuran dan kebaikan bersama. Untuk itu, masyarakat sivil (sesuai dengan fitrahnya sebagai kumpulan dari manusia) akan berlaku sama dengan manusia terutama dalam mencari makna hidup—kesejahteraan, kemakmuran dan kebaikan bersama.

<sup>7</sup> Untuk perbincangan lebih lanjut mengenai masyarakat sivil menurut Locke dan Rousseau, lihat De Lue (1997), Palmer (2002), Scalet & Schmidtz (2002) dan Trentmann (2004).

negara jika dibiarkan bebas. Dalam hal ini, hujah Hegel (1977), negara perlu memainkan peranan dan fungsinya untuk menggubal berbagai-bagai bentuk dasar awam dan akta bagi melaksanakan pentadbiran secara baik untuk mengurangkan protes masyarakat sivil. Di samping itu, negara juga merupakan representasi rakyat yang mesti menaungi semua kepentingan masyarakatnya. Oleh itu, negara perlu memiliki hak penuh dan kekuatan untuk melakukan campur tangan terhadap masyarakat sivil (Hegel 1977:75).

Hujah Hegel disanggah oleh Gramsci (1971:12), seorang sarjana Itali yang cuba mengembalikan kemandirian dan pluraliti masyarakat sivil yang bebas daripada 'dominasi langsung' dan 'hegemoni' negara. Menurut Gramsci (1971:15), masyarakat sivil dan negara adalah dua domain yang berbeza dan tidaklah semula jadi seperti yang dianalisis oleh Hegel. Bagi Gramsci, negara mendominasi dan menghegemoni domain masyarakat sivil. Beliau menilai selalu terdapat hubungan timbal-balik di antara negara dan masyarakat sivil; negara berusaha untuk mendominasi (juga menghegemoni) kumpulan sosial dalam masyarakat sivil, sebaliknya kumpulan sosial tersebut juga cuba memaksa negara melakukan kompromi dan menerima tuntutan mereka. Dalam hubungan yang seperti ini negara berusaha untuk mengembangkan hegemoni dalam pelbagai bentuk termasuk secara paksaan dan kekerasan. Oleh itu, pada pandangan Gramsci, masyarakat sivil adalah tempat bagi negara melaksanakan hegemoninya seperti kehakiman, tentera dan polis dengan tujuan menciptakan konsensus masyarakat. Dengan cara itu, maka masyarakat akan sehaluan dengan kehendak negara (Gramsci 1971:263).

Dari perdebatan inilah kemudiannya muncul dua tradisi atau pendekatan mengenai masyarakat sivil, iaitu pendekatan pluralis yang dipelopori oleh Locke, Rousseau, Paine, Ferguson; dan pendekatan kelas yang dipelopori oleh Hegel dan ramai lagi. Dalam pandangan para sarjana pluralis, masyarakat sivil adalah suatu jaringan tingkah laku rakyat sesebuah negara untuk mendorong demokrasi dan menyuburkannya. Jaringan tingkah laku ini dijelmakan dalam bentuk kesatuan sosial yang berlandaskan kepentingan khas para anggota masyarakat. Kepentingan khusus tersebut pula adalah kepentingan yang bersifat horizontal, iaitu melampaui batas kepentingan primordial seperti kaum, agama dan lainnya. Menurut Robert & Edwards (1991), konsep masyarakat sivil yang dipelopori oleh pendekatan ini mengandungi beberapa ciri khas; antaranya memperbaiki sistem politik yang ada, bertindak sebagai pemantau sosial kepada sistem politik dan bebas daripada pengaruh pemerintah.

Bagi pendekatan kelas yang dipelopori oleh Hegel—yang juga disokong oleh Gramsci (1971)—masyarakat sivil adalah sebagai sebuah kesatuan sivil yang bertindak sebagai lawan kepada pemerintah (antara kelas yang diperintah dengan kelas yang memerintah). Dalam konteks ini, kesatuan sivil adalah bebas daripada pengaruh pemerintah dan sangat berpotensi untuk memobilisasi penentangan politik terhadap rejim pemerintahan yang autokratik.

Walaupun perbahasan dan perdebatan tentang masyarakat sivil bertitik tolak daripada dua pendekatan sosial yang berbeza, ini tidak pula bermakna kedua-dua pendekatan tersebut mempunyai pengertian yang sama sekali bertentangan antara satu sama lainnya. Ini kerana kedua-dua pendekatan tersebut berkongsi fahaman bahawa masyarakat sivil adalah suatu entiti sosial yang penting dalam proses pertumbuhan tamadun manusia. Secara implisitnya, kedua-dua pendekatan tersebut bertindak untuk mengubah sistem masyarakat dan negara daripada yang tidak baik kepada yang lebih baik, atau singkatnya masyarakat sivil bermanfaat.<sup>8</sup>

Justeru itulah, sehingga kini takrif mengenai masyarakat sivil sukar untuk disatukan, kerana tidak ada satu pendekatan untuk memahami masyarakat sivil. Umpamanya Cohen & Arato (1992:ix) mentakrifkan masyarakat sivil sebagai berikut:

*... a sphere of social interaction between economy and state, compose above all of the intimate sphere (especially the family), the sphere of associations (especially voluntary associations), social movements, and forms of public communications.*

Definisi ini adalah sesuai dengan komponen utama masyarakat sivil, yakni individu, organisasi sivil yang bebas dari kooptasi, hegemoni dan korporatisme negara. Oleh itu, Cohen & Arato (1992) adalah betul apabila mereka menyatakan masyarakat sivil adalah wilayah sosial yang mesti mempunyai autonomi berlandaskan persamaan. Dari definisi ini, maka masyarakat sivil adalah individu dalam organisasi yang bekerjasama membangun ikatan sosial di luar organisasi rasmi, menggalang solidariti kemanusiaan dan mengejar kebaikan bersama di bawah payung prinsip-prinsip egalitarianisme dan inklusivisme yang bersifat sejagat. Walaupun Cohen & Arato melihat masyarakat sivil dan negara merupakan entiti yang autonomi, tetapi interaksi keduanya saling menguasai dan mempengaruhi. Huraian ini selari dengan hujah Diamond (1994:5) yang menyatakan masyarakat sivil adalah sebuah wilayah kehidupan sosial yang tersusun dan bercirikan kesukarelaan (*voluntary*), autonomi, *self-generating* dan *self-supporting* ketika berhadapan dengan institusi negara. Jika dikaitkan dengan hujah Cohen & Arato, maka para sarjana ini begitu mempercayai peranan masyarakat sivil yang berinteraksi secara autonomi dengan negara dalam mencipta dan mendorong terbentuknya masyarakat sivil yang demokratik.

Sekiranya pertumbuhan yang mewakili masyarakat sivil tidak bebas, maka campur tangan negara dalam pelbagai aspek kehidupan akan mudah berlaku. Oleh sebab itu, gerakan protes masyarakat sivil yang muncul

<sup>8</sup> Masyarakat sivil bermanfaat yang dimaksudkan di sini ialah masyarakat sivil yang berperanan sebagai pengimbang dan penyemak kuasa pemerintah, sebagai agen pembentuk, agen perubahan dan agen melatih pemimpin masyarakat.

kembali di Eropah Timur pada akhir tahun 1980-an memang sangat kuat didorong oleh semangat penentangan mereka terhadap dominasi negara yang autokratik sehingga memajukan kreativiti dan penglibatan rakyat dalam proses politik. Inilah sebabnya mengapa masyarakat sivil sangat sinonim dengan ketidakakuran awam. Semangat ini jugalah kemudiannya diambil oleh rakyat Kesatuan Soviet untuk melakukan ketidakakuran awam yang mengakibatkan jatuhnya rejim komunis di negara tersebut. Dan, kesan domino dari gerakan massa ini adalah menjadi demokratiknya banyak negara di Eropah Timur, Afrika, Amerika Selatan dan juga Asia.<sup>9</sup> Kejatuhan rejim autokratik di kebanyakan negara sering diertikan sebagai kemenangan masyarakat sivil ke atas negara. Ini boleh dilihat dalam kes kejatuhan Ferdinand Marcos di Filipina dan Soeharto di Indonesia, dan naiknya Lech Walesa di Poland dan Vaclav Havel di Czekoslovakia sebagai presiden di negara masing-masing.<sup>10</sup>

9 Beberapa protes politik yang dimulakan oleh masyarakat sivil, tetapi kemudiannya melibatkan banyak pihak seperti elit politik, tentera dan lainnya untuk melakukan transformasi politik berlaku di Portugal pada April 1974 melalui kudeta yang dilakukan oleh tentera. Pada Julai 1974, rejim tentera autoriter Greece juga tumbang akibat protes politik rakyat yang kemudiannya digantikan oleh pemerintahan sivil demokratik di bawah kepimpinan Constantine Karamanlis. Di Sepanyol, pada November 1975, kematian Jeneral Francisco Franco membawa Raja Juan Carlos bersama tokoh demokratik Adolfo Suarez merubah rejim autokratik ke arah demokrasi selepas menerima protes dari masyarakat sivil. Pada tahun 1988, gelombang protes juga menjatuhkan rejim komunisme di Hungari, diikuti oleh Poland, Jerman Timur, Czekoslovakia, Romania dan Bulgaria setahun kemudian.

Di Amerika Selatan pula, protes politik yang didokong oleh rejim tentera prodemokrasi berjaya menjatuhkan presiden Ecuador yang diktator pada tahun 1977. Pemerintahan yang demokratik juga lahir di Peru pada tahun 1978 dengan cara yang sama dengan yang terjadi di Ecuador. Hal serupa juga terjadi di Bolivia pada tahun 1978. Di Argentina, selepas kekalahan kepada England dalam Perang Falkland pada tahun 1983, legitimasi pemerintah melemah setelah masyarakat sivil melakukan protes besar menuntut perbaikan keadaan yang selama ini tempang, autokratik dan menyusahkan rakyat. Di Uruguay perundingan antara pemimpin tentera dan pemimpin sivil akibat protes masyarakat sivil yang tiada henti menyebabkan terpilihnya presiden sivil demokratik pada November 1984. Honduras dan Guatemala juga tidak ketinggalan. Kedua-dua negara tersebut berubah menjadi demokrasi pada Januari 1984 dan Mei 1985.

Di Asia pula, protes masyarakat sivil juga berlaku pada tahun 1986 sehingga berjaya menjatuhkan rejim Marcos di Filipina, diikuti oleh Korea Selatan setahun kemudian. Pada tahun 1988, pemerintah Taiwan mengikut tuntutan masyarakat sivil untuk melakukan liberalisasi politik dan bertekad menciptakan sebuah rejim demokratik di sana. Untuk perbincangan lebih lanjut mengenai hal ini, lihat Harvey (1978), Sohn (1989), Huntington (1991) dan Franco (2001).

10 Protes masyarakat sivil di Filipina pada tahun 1986 adalah disebabkan oleh dasar pemerintahan Marcos yang terlalu berpusat (*over-centralized*), sehingga menghadirkan pemerintahan yang autokratik. Keautokratikan pemerintahan Marcos dapat dilihat dari tindakannya mengawal kebebasan politik, menangkap tokoh pembangkang, melarang semua jenis penerbitan dan media kecuali yang diiktiraf kerajaan, dan membiarkan peri laku tentera yang represif. Selain itu, hutang luar negara yang berlipat ganda, pertumbuhan ekonomi yang negatif, dan ketidakmampuan pemerintah dalam menangani gerakan separatisme (antaranya ialah Moro National Liberation Front, MNLF, dan Bangsa Moro Army, BMA) menimbulkan beberapa bibit kebencian rakyat terhadap pemerintahannya. Masyarakat sivil akhirnya melakukan demonstrasi menuntut Marcos untuk turun dan melaksanakan proses pendemokrasian. Tindakan tersebut ternyata dijawab dengan kekerasan yang akhirnya menyebabkan gelombang demonstrasi yang semakin hari menjadi semakin besar dan merebak kepada golongan mahasiswa, intelektual, ahli akademik, elit parti,



Keupayaan untuk saling mempengaruhi yang dijujukkan oleh Cohen & Arato juga adalah seiring dengan takrifan Gellner (1994). Ini kerana apabila negara cuba mendominasi, menghegemoni dan mengatur kehidupan individu, maka masyarakat sivil—baik dalam bentuk NGO, pertubuhan kumpulan pendesak ataupun lainnya, akan bertindak untuk menghalang tindakan negara tersebut dengan tujuan mencegah wujudnya kerajaan yang autokratik (Gellner 1994:115). Dari aspek inilah, jika mengikut Gellner, warga berinteraksi dengan pemerintahnya untuk memunculkan pelbagai wacana kritikal yang objektif dan rasional. Apabila negara tidak mampu untuk berhujah secara jelas dan rasional tentang tindakannya mencampuri urusan rakyat, maka masyarakat boleh menolaknya. Penolakan ataupun penerimaan sesebuah polisi negara dalam konteks ini disebut sebagai masyarakat sivil.

Pernyataan Cohen & Aret (1992) dan Gellner (1994) di atas adalah lebih kurang sama dengan hujah Varshney (2002:46) yang menyatakan masyarakat sivil adalah “... *a host of informal group activities and meeting places that connect individuals, build trust, encourage reciprocity, and facilitate exchange of views on matters of public concern.*” Kelebihan hujah

pimpinan gereja, pekerja profesional dan peniaga yang kemudiannya bergabung dengan rakyat untuk menjatuhkan Marcos dari kekuasaannya.

Di Indonesia pula, faktor utama jatuhnya Soeharto pada tahun 1998 adalah kerana tekanan daripada mahasiswa dan masyarakat sivil yang tersusun secara rapi. Demonstrasi kumpulan masyarakat sivil dan mahasiswa yang menuntut proses pendemokrasian pada akhirnya berjaya menjatuhkan Soeharto dari kerusi kepresidenannya selepas berlakunya peristiwa 13-14 Mei di Jakarta. Peristiwa ini bermula dari suatu tunjuk perasaan mahasiswa dan kumpulan prodemokrasi (serta rakyat) yang melibatkan 10,000 mahasiswa Universitas Trisakti. Mereka berniat berjalan ke bangunan DPR yang jaraknya sekitar 3.2 km daripada kampus mereka untuk menuntut Soeharto mengundurkan diri sebagai presiden. Ketika mahasiswa dan pelbagai elemen penyokongnya sudah memenuhi Jalan S. Parman yang menyebabkan kesesakan, polis cuba menghentikan niat mereka. Mahasiswa pun setuju untuk kembali ke kampus. Tetapi, tanpa diduga ketika mahasiswa berarak kembali ke kampus, polis mulai memukul dan menembak mereka dengan peluru kapur. Namun ternyata salah satu kumpulan polis atau sekumpulan tentera yang menyamar sebagai polis menggunakan peluru hidup. Selepas itu, empat mahasiswa ditemui mati. Namun, insiden ini gagal menghentikan protes mahasiswa dan massa di seluruh Jakarta. Sehari selepas insiden ini, rusuhan massa melanda bandar raya Jakarta seperti perogolan kaum Cina, pembakaran kedai dan kenderaan kaum Cina dan lainnya. Bertunjangan keadaan yang tidak terkawal ini, maka tunjuk perasaan masyarakat sivil menjadi semakin membesar dengan tujuan mengganti pimpinan negara dan melakukan proses pendemokrasian segera. Akhirnya, pada 21 Mei 1998 Soeharto meletakkan jawatannya sebagai presiden Indonesia selepas tidak lagi kuat menahan tekanan daripada kumpulan masyarakat sivil.

Manakala Walesa dan Havel pula menduduki kerusi presiden di Poland dan Czekoslovakia adalah disebabkan oleh keupayaan mereka menyusun gerakan prodemokrasi di negara masing-masing. Mereka berdua adalah pimpinan daripada gerakan prodemokrasi yang akhirnya berjaya menjatuhkan pimpinan pemerintahan autokratik yang tidak mahu menghormati perbezaan, menyekat maklumat dan terlalu kerap bertindak ganas kepada rakyat. Melihat tindakan tidak manusiawi Jeneral Wojciech Jaruzelski mendorong Walesa dan kumpulan masyarakat sivil berhimpun untuk melawan rejim komunisme yang autokratik di Poland. Walesa dan Havel serta kumpulan masyarakat sivil di negara mereka masing-masing akhirnya berjaya menjatuhkan rejim komunis yang tidak demokratik. Lihat juga Harvey (1978), Sohn (1989), Huntington (1991), Franco (2001) dan O'Rourke (2002) untuk perbincangan lebih lanjut mengenai hal ini.

Varshney adalah dari segi kemampuannya untuk menjelaskan hubungan timbal balik, interaksi antara individu dalam masyarakat sivil serta pergulatan wacana mengenai tuntutan dan keperluan rakyat. Varshney juga tidak meletakkan kedudukan negara dan masyarakat secara diametrikal, tetapi sejajar sehingga menjadikan dialog lebih mudah untuk dilakukan.

Perkembangan pragmatik ini telah memberikan pentafsiran baru tentang makna masyarakat sivil serta penggunaannya dalam konteks politik, khasnya sumbangannya ke atas transisi menuju demokrasi. Ini sangat berbeza dengan makna nyata masyarakat sivil pada abad ke-18 yang menempatkannya di bawah kawalan negara. Kini masyarakat sivil merupakan syarat bagi kehidupan politik moden yang mencerminkan berfungsinya sebuah sistem dalam negara yang demokratik. Kehadiran masyarakat sivil menyemarakkan ruang bagi rakyat untuk mengekspresikan pandangannya tanpa mengganggu autoriti negara. Negara tidak lagi mampu memisahkan diri daripada masyarakatnya, bukan sahaja dalam konteks membangun dan mempertahankan legitimasinya, tetapi juga dalam menggubal pelbagai dasarnya supaya sesuai dengan keperluan dan aspirasi rakyatnya. Sistem demokrasi yang sihat semestinya terus menerus memelihara kualiti hubungan yang harmoni serta produktif antara negara dan masyarakat dalam sebuah ruang awam. Dari dalam ruang awam inilah segala pandangan kritikal, keinginan dan kesepakatan masyarakat disampaikan kepada negara.

Analisis di atas menunjukkan satu perkara: bahawa masyarakat sivil merupakan satu organisasi yang mempunyai hubungan rapat (timbal balik) dengan pemerintah. Ia merupakan satu konsep autonomi yang terdiri daripada aktor-aktor tertentu dalam memperjuangkan hak asasi rakyat. Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, aktor dalam masyarakat sivil ini telah mewujudkan suatu pendekatan dan pemahaman politik untuk meningkatkan kesedaran rakyat agar masyarakat lebih peka dan sensitif kepada hak-hak mereka. Berkesan atau tidaknya sesuatu proses pendemokrasian mempunyai kaitan yang amat rapat dengan keberkesanan masyarakat sivil dalam memainkan peranannya sebagai agen ataupun aktor perubahan dalam meniadakan dominasi dan hegemoni negara.<sup>11</sup> Ini dapat dilihat dari gerakan masyarakat sivil di Perancis yang menolak dominasi pemerintah dalam menetapkan gaji buruh. Gerakan masyarakat sivil ini menuntut agar gaji buruh tidak ditetapkan oleh pemerintah sahaja, tetapi juga harus melibatkan buruh itu sendiri sehingga

---

11 Antara lain, peranan masyarakat sivil sebagai agen atau aktor perubahan adalah seperti berikut: peranan pembelaan, iaitu memainkan peranan membela atau memperjuangkan sesuatu isu; peranan penggerak, menggalakkan kesedaran mengenai hak asasi, pertanggungjawaban dan ketelusan; peranan pengantara, menjadi orang tengah dalam usaha menyelesaikan konflik antara kerajaan dengan rakyat; peranan pendesak, mendesak transformasi atau pelaksanaan dasar kerajaan yang lebih mengutamakan kebajikan awam; peranan pembangkang, membentuk benteng pembangkang terhadap kerajaan atau dasar tertentu kerajaan; dan peranan pembantu, membantu melaksanakan dasar kerajaan yang popular. Untuk perbincangan lebih mendalam mengenai hal ini, rujuk Putnam (1995).

menguntungkan kedua-dua belah pihak. Tuntutan yang dibuat oleh masyarakat sivil ini berjaya mendesak kerajaan untuk menggubal dasar baru mengenai gaji buruh di Perancis. Contoh ini menunjukkan masyarakat sivil memiliki keupayaan untuk mempengaruhi dasar kerajaan. Tidak hanya itu, tetapi juga boleh menjadi kekuatan penyeimbang untuk mendorong tumbuhnya nilai dan prinsip demokrasi dalam pemerintahan yang tidak demokratik. Oleh itu, masyarakat sivil memiliki peranan penting dalam mencegah munculnya tirani negara seperti bertindak sebagai pembela, penggerak dan pendesak.

### **Hubungan Antara Masyarakat Sivil Dan Pendemokrasian**

Kajian sarjana pada tahun 1980-an dan 1990-an menunjukkan hubungan antara masyarakat sivil dengan proses pendemokrasian.<sup>12</sup> Kebanyakan kajian tersebut menyatakan pertumbuhan ekonomi, nilai budaya dan peranan elit mempunyai hubungan dengan proses pendemokrasian. Namun, analisis Thompson (2007) tentang proses pendemokrasian di Malaysia, Singapura dan Thailand mendapati pertumbuhan ekonomi di ketiga-tiga negara tersebut tidak menyumbang terhadap keterbukaan sistem politik ke arah demokratik. Hal ini disebabkan oleh peranan dan kongkongan elit dalam mengendalikan dan mengawasi sistem politik. Penemuan ini sama dengan kajian Leftwich (1993) yang mendapati negara-negara kaya seperti Singapura, Brunei dan beberapa negara di Timur Tengah tetap tidak terdorong ke arah demokrasi. Ini kerana bagi negara-negara berkenaan yang terpenting bukanlah pembangunan politik, tetapi pembangunan ekonomi.

Bagaimanapun, kajian Huntington (1991) mendapati terdapat kaitan antara pertumbuhan ekonomi dengan pendemokrasian. Dalam analisisnya, beliau membahagikan tiga tingkatan GNP per kapita, iaitu (i) pendapatan tinggi (lebih AS\$6,000), (ii) pendapatan menengah tinggi (AS\$2,000-AS\$5,500), dan (iii) pendapatan menengah rendah (AS\$500-AS\$2,200) untuk meneroka kaitan antara perkembangan ekonomi dengan demokrasi.<sup>13</sup> Hasil kajiannya mendapati negara yang memiliki tingkat pendapatan menengah tinggi cenderung bergerak ke arah menjadi demokratik, manakala negara yang memiliki pendapatan tinggi berjaya menjalankan demokrasi secara baik dan stabil (lihat Jadual 1).

12 Antara beberapa kajian ialah Timberman (1991) dan Franco (2001) di Filipina, Denny J Ali (2001) di Indonesia dan Osa (2003) di Poland. Seperti dalam perbincangan awal tentang proses pendemokrasian di Filipina, Indonesia dan Poland, masyarakat sivil tidak hanya memainkan peranan yang utama dalam proses kejatuhan presiden di masing-masing negara, tetapi juga berperanan dalam proses menggerakkan pendemokrasian di negara masing-masing.

13 Beberapa negara yang dikaji oleh Huntington (1991) dan diujahkannya sebagai mempunyai korelasi antara perkembangan ekonomi dan demokrasi adalah AS, Arab Saudi, Bulgaria, Bolivia, Chile, Czekoslovakia, England, Ethiopia, El Salvador, Filipina, Guatemala, Honduras, Hungari, India, Jerman Timur dan Jerman Barat, Kesatuan Soviet, Croatia, Kuwait, Liberia, Nicaragua, Nigeria, Oman, Pakistan, Poland, Singapura, Senegal, Sepanyol, Slovenia, Sri Lanka, Switzerland, United Arab Emirates dan Yugoslavia.

Jadual 1 Perkembangan ekonomi dan pendemokrasian gelombang ketiga

GNP per kapita 1976 (dalam dollar)	Pendemokrasian 1974	Mengalami pendemokrasian 1974-1989	Bukan demokratik	Jumlah	Peratus negara yang mengalami pendemokrasian
< 250	1	2	31	34	6
250 - 1,000	3	11	27	41	29
1,000 - 3,000	5	16	5	26	76
> 3,000	18	2	3	23	40
Jumlah	27	31	66	124	

Sumber: Huntington (1991:77).

Jadual 1 menjelaskan tiga perkara. Pertama, pendemokrasian sukar terjadi di negara yang GNP per kapitanya kurang dari AS\$250 dan antara AS\$25-AS\$1,000. Kedua, pendemokrasian lebih mudah dilakukan oleh negara yang tingkat GNP per kapitanya antara A\$1,000-A\$3,000. Ketiga, negara yang mampu melaksanakan sistem demokrasi adalah negara yang tingkat GNP per kapitanya di atas AS\$3,000. Angka ini memperlihatkan kaitan kuat antara perkembangan ekonomi dengan pendemokrasian. Walau bagaimanapun, semua kajian ini sependapat bahawa dalam proses tersebut, sama ada sebelum ataupun selepas peralihan dari rejim bukan demokratik ke rejim demokratik, masyarakat sivil memainkan peranan penting dalam mempengaruhi proses transformasi politik tersebut. Cara masyarakat sivil berperanan adalah melalui kaedah pembelaan, penggerak, pengantara, pendesak, pembangkang, dan pembantu.

Apakah lagi hubungannya antara masyarakat sivil dengan demokrasi? O'Donnell & Schmitter (1986:48) menyatakan kaitannya adalah rapat sekali kerana masyarakat sivil terbentuk selepas proses pendemokrasian. Maknanya, masyarakat sivil hanya wujud ketika proses transisi menuju demokrasi. Hal ini bertentangan dengan analisis Bryant (1995:157) dalam tulisannya yang bertajuk *Civic nation, civil society, civic religion* yang menyatakan masyarakat sivil terbentuk sebelum proses pendemokrasian berlaku. Dua pandangan yang bertentangan ini dilandaskan pada hujah mereka yang kuat dan kukuh. Namun, hujah Bryant lebih logik dan rasional berdasarkan pelbagai kenyataan yang ada. Pada akhir tahun 1980-an, beberapa negara di Eropah Timur runtuh; tidak sedikit kajian yang menyatakan bahawa kejatuhan tersebut disebabkan oleh kuatnya tuntutan daripada masyarakat sivil (Diamond 1994; Oommen 2004; Wellhoer 2005). Ini bererti masyarakat sivil telah wujud sebelum kejatuhan negara di Eropah Timur, bahkan mereka turut berperanan dalam menumbangkan

kekuasaan rejim autokratik. Namun, hujah O'Donnell & Schmitter (1986) tidak boleh diabaikan. Mereka menyatakan kuat atau lemahnya demokrasi di negara demokratik sangat dipengaruhi oleh peranan masyarakat sivil untuk menjaga kualiti badan kehakiman, pemeraksanaan parti politik, pembelaan hak rakyat miskin dan lain-lain. Kenyataan ini juga disokong oleh Diamond (1994) dan Putnam (1995) yang menyatakan masyarakat sivil memainkan peranan semak dan imbang seperti halnya legislatif mengawal eksekutif dan sebaliknya.

Oleh sebab itu, tidak hairanlah apabila Stepan (1988) ketika pertentangan ini mulai terbentuk menyatakan peranan politik masyarakat sivil adalah sebagai agen pendemokrasian. Bagi beliau, untuk memastikan masyarakat sivil dapat memainkan peranannya secara maksimum dan efektif, maka perlu dibentuk organisasi sivil dalam masyarakat sama ada pertubuhan, kumpulan pendesak ataupun NGO. Melalui organisasi sivil inilah beliau menggantungkan harapan bagi berlakunya demokrasi yang sejati. Oleh sebab itu, Stepan (1988:7) menyatakan organisasi sivil haruslah: (i) dioperasikan secara demokratik, menghormati unsur pluralisme dan perbezaan organisasi; (ii) organisasi sivil juga harus mengajukan setiap agenda organisasinya dalam konteks semangat demokrasi agar mampu memberi kesan politik terhadap kerajaan supaya lebih telus; dan (iii) organisasi sivil mestilah juga saling bekerjasama sesama mereka dalam mewujudkan kesepaduan tenaga untuk mendesak kerajaan bagi bersetuju merundingi tuntutan mereka.

Dari huraian di atas, Stepan (1988) berada pada titik persimpangan menyokong dan menolak hujah O'Donnell & Schmitter (1986). Beliau menyokong peranan masyarakat sivil dalam menumbuhkan demokrasi, terutamanya bagi menyuburkan demokrasi di negara yang telah demokratik. Dalam masa yang sama, beliau tidak bersetuju dengan pendapat yang menyatakan masyarakat sivil hanya tumbuh dalam masyarakat demokratik sahaja. Mengikut pandangannya, kalau masyarakat sivil hanya tumbuh di negara demokratik, siapa pula yang menjadi pencetus dan penggerak proses pendemokrasian di negara-negara bukan demokrasi apabila seluruh kakitangan kerajaan telah dihegemoni oleh kerajaan? Jawapannya tidak ada. Oleh sebab itu, masyarakat sivil mengambil dan memainkan peranan sebagai aktor penggerak dan pencetus proses pendemokrasian di negara-negara bukan demokrasi tersebut. Ini kerana mereka terlepas dari kongkongan dasar yang mengikat seperti mana yang berkuat kuasa ke atas seluruh pegawai kerajaan. Walaupun ada sekatan yang menghadang aktiviti gerakan prodemokrasi, tetapi setidaknya kumpulan masyarakat sivil dapat melawan kongkongan dan cengkaman kerajaan. Justeru itulah, Stepan tidak bersependapat apabila ada sarjana yang menyatakan masyarakat sivil hanya wujud dalam negara demokratik.

Namun demikian, pendekatan yang saling berbeza di atas—sama ada masyarakat sivil terbentuk sebelum atau selepas wujudnya rejim demokratik—

sebenarnya bersandar kepada dua perspektif teori utama. Pertama, perspektif teori yang berhujah bahawa sistem politik tidak semestinya digerakkan oleh kumpulan masyarakat sivil yang bukan politik sifatnya (Keane 1988:98). Kes gerakan pendemokrasian yang diketuai oleh gereja Katolik di kebanyakan negara di Amerika Selatan seperti Argentina, Brazil, Chile serta Peru memperlihatkan bahawa kejayaan gerakan tersebut adalah hasil daripada strategi politik yang diatur oleh elit politik yang berada di belakang gereja Katolik untuk menentang rejim autoritarian yang sedang memerintah (Oxhorn 1992:32). Contoh ini menggambarkan bagaimana dalam proses pendemokrasian, masyarakat sivil berjaya memainkan peranannya sebagai masyarakat politik. Dalam melihat hubungan antara masyarakat sivil dengan gerakan pendemokrasian, perspektif teori yang pertama ini menakrifkan organisasi masyarakat sivil sebagai sebuah organisasi politik yang diuruskan secara berkelompok ataupun berpersendirian, iaitu tidak mendapat bantuan sama ada bersifat kewangan ataupun bukan kewangan daripada kerajaan. Mengikut huraian ini, organisasi masyarakat sivil tidak boleh bertindak secara sendiri untuk mengubah sebuah rejim yang autokratik tetapi mesti menjalinkan kerjasama dengan masyarakat politik. Ini boleh dilihat dalam kes perhimpunan yang dianjurkan oleh NGO Bersih pada 9 Julai 2011 untuk mendesak Suruhanjaya Pilihanraya bertindak sebagai sebuah badan yang bebas dalam mengendalikan pilihan raya di negara ini. Perhimpunan Bersih tersebut tentunya tidak berjaya jika ia tidak mendapat kerjasama dan sokongan dari masyarakat politik yang tidak puas hati dengan kerajaan. Ini menunjukkan jalinan kerjasama antara masyarakat sivil dengan masyarakat politik amat penting bagi memastikan gerakan pendemokrasian yang dirancang mencapai kejayaan. Di samping mencipta kerjasama antara kedua-dua masyarakat tersebut, Stepan (1988:34) mengingatkan bahawa masyarakat sivil mesti mengekalkan darjah kebebasan dan autonomi organisasi.

Di Malaysia krisis politik yang berlaku pada tahun 1998 akibat dari pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri boleh dijadikan contoh untuk menggambarkan kerjasama antara masyarakat sivil dengan masyarakat politik. Gerakan politik yang disebabkan oleh krisis kewangan pada tahun 1997 dan krisis politik pada tahun 1998 secara amnya telah menonjolkan protes politik oleh pelbagai elemen dalam masyarakat terhadap pemerintah. Tuntutan tersebut telah digerakkan secara kerjasama antara Aliran (Aliran Kesedaran Negara), Suaram (Suara Rakyat Malaysia), Gerak (Gerakan Keadilan Masyarakat Malaysia) dan JIM (Jamaah Islah Malaysia) yang didokong oleh parti politik seperti PAS (Parti Islam SeMalaysia), PRM (Parti Rakyat Malaysia) dan juga DAP (Democratic Action Party). Kerjasama tersebut telah muncul sebagai kekuatan sekali gus sebagai agen perubahan dalam menyedarkan masyarakat Malaysia terhadap hak sosiopolitik mereka. Himpunan dari kesedaran masyarakat inilah yang kemudiannya mencetuskan penolakan ke atas BN yang pada akhirnya menjunamkan undi suaranya dalam PRU 1999 (Weiss 2001, 2003; Gomez 2004).

Hujah perspektif teori kedua—masyarakat sivil wujud sebelum terbentuknya rejim demokratik—adalah bersandarkan kepada hubungan timbal balik antara kestabilan sosial dengan kuasa kerajaan. Perspektif ini berhujah masyarakat sivil muncul akibat daripada kegagalan kerajaan menjalankan tugas dan tanggungjawab sosiopolitiknya terhadap masyarakat umum. Dan kerajaan juga gagal mewujudkan dasar sosial, ekonomi dan politik yang kondusif ke arah merealisasikan kesejahteraan masyarakat serta demokrasi sejati. Demokrasi yang terbentuk hanyalah demokrasi terhad daripada model demokrasi liberal; undang-undang dilaksanakan hanya untuk kepentingan pemerintah, mengekalkan keharmonian kaum, kestabilan politik, sosial dan keselamatan bagi meyakinkan pelabur menanamkan modalnya sahaja. Sistem politik seperti ini tidak menggalakkan peranan masyarakat sivil, melainkan kroni kerajaan sahaja. Akibatnya muncul protes masyarakat sivil yang menuntut hak-hak demokrasi yang sejati.

Situasi seperti ini berlaku di Malaysia. Sejak krisis ekonomi pada tahun 1997, pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) muncul menyuarakan ketidakpuasan hati mereka tentang sekatan berlebihan yang dikenakan oleh kerajaan ke atas mereka.<sup>14</sup> Kumpulan masyarakat sivil ini melakukan tuntutan dan desakan dengan pelbagai cara yang selaras dengan perlembagaan dan undang-undang negara iaitu dialog, lobi, forum, ceramah, seminar, rundingan dan propaganda. Bagaimanapun, kerajaan menganggap tindakan NGO ini sebagai punca yang boleh menjejaskan kestabilan sosial dan politik serta menjejaskan keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Oleh sebab itulah, kerajaan menuntut NGO dan kumpulan masyarakat sivil ini supaya bertindak dalam lingkungan parameter demokrasi yang dibenarkan oleh undang-undang negara. Jika tidak, seperti apa yang berlaku semasa gerakan reformasi dan demonstrasi yang dianjurkan oleh masyarakat sivil, tangkapan dan penahanan akan dilakukan oleh kerajaan.

## Kesimpulan

Huraian di atas menunjukkan hubungan antara masyarakat sivil dengan proses pendemokrasian dapat dilihat dalam tiga aspek. Pertama, masyarakat sivil adalah alat kerajaan untuk menyatakan bahawa demokrasi yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah demokrasi yang sejati. Dalam konteks ini, konsepsi mengenai *strong state* (negara kuat) adalah hujah utama kerajaan untuk melemahkan protes NGO dalam masyarakat sivil. Walaupun kerajaan menyatakan pemerintahannya adalah demokratik atas alasan adanya pilihan raya, wujudnya sistem pelbagai parti, lengkapnya badan kehakiman, wujudnya

14 Antaranya ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Aliran Kesedaran Negara (Aliran), All Women Action Movement (AWAM), Consumer Association Penang (CAP, Persatuan Pengguna Pulau Pinang), Centre for Peace Studies (Cenpeace), Dongjiaozhong (Gabungan Dong Zong, DJZ), The International Movement for a Just World (Just), National Council of Women Organisations (NCWO), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Sisters in Islam (SIS), Suara Rakyat Malaysia (Suaram), Tenaganita dan Jerit (Jaringan Rakyat Tertindas)..

pelbagai NGO dan sebagainya, namun itu semua hanyalah alasan yang sengaja dibina agar terlihat bahawa kerajaan yang berkuasa telah menjalankan sistem demokrasi. Kedua, masyarakat sivil dengan proses pendemokrasian adalah sebagai entiti yang saling mengisi, iaitu terjadinya interaksi yang seimbang antara negara dengan masyarakat sivil. Pandangan ini mensyaratkan berlakunya timbal balik positif antara masyarakat sivil dengan negara bagi memperkasakan demokrasi. Dalam konteks ini, masyarakat sivil turut serta dalam mengukuhkan, mengekalkan dan menyegarkan nilai dan prinsip demokrasi yang dikehendaki rakyat. Ketiga, hubungan masyarakat sivil dengan pendemokrasian adalah sebagai dua entiti yang saling berhadapan dan saling bertentangan.

Mengenai peranan masyarakat sivil dan hubungannya dengan pendemokrasian, hasil analisis menunjukkan masyarakat sivil adalah penyumbang penting dalam proses pendemokrasian yang berlaku di kebanyakan negara bukan demokrasi, khasnya Eropah Timur, Amerika Selatan dan Asia. Dalam konteks ini masyarakat sivil didefinisikan sebagai masyarakat yang memiliki autonomi dan cukup perkasa dalam mengimbangi kuasa kerajaan. Ini kerana masyarakat sivil adalah entiti yang memiliki kemampuan untuk menghadapi tindakan kerajaan yang represif, hegemoni dan dominatif terhadap rakyat. Sebab itulah, masyarakat sivil memainkan peranan yang amat penting dalam mencegah berlakunya tirani negara seperti bertindak sebagai pembela, pengantara, pembangkang, penyokong dan sebagainya. Temuan juga mendapati masyarakat sivil berada pada dua kutub yang saling bertentangan. Kutub yang pertama menempatkan dirinya sebagai mitra dari kerajaan, terutamanya dalam rangka menciptakan dan menumbuhkan iklim demokratik dalam pemerintahan negara. Di sisi lain, masyarakat sivil ditempatkan secara berhadapan dan berlawanan dengan kerajaan. Ini bertujuan untuk menjadi penyemak dan penyeimbang kepada tindakan kerajaan. Jika pada kutub pertama, sumbangan masyarakat sivil berada pada tahap yang *softliners*, tetapi pada kutub kedua, mereka memainkan peranan selaku *hardliners* yang berjuang untuk memajukan dan menumbuhkan demokrasi dalam negara mereka masing-masing.

## Bibliografi

- Avritzer, A. 2004. Civil society in Latin America: uncivil, liberal and participatory models. Dlm. M. Glasius, D. Lewis & H. Seckinelgin (pnyt.). *Exploring Civil Society: Political And Cultural Contexts*, 53-60. London: Routledge.
- Baker, G. 2002. *Civil Society And Democratic Theory: Alternative Voices*. London: Routledge.
- Barracough, S. 1985. The dynamic of coercion in the Malaysian political process. *Modern Asian Studies* 19(4): 797-822.
- Bryant, C. 1995. *Civic Nation, Civil Society, Civil Religion*. Cambridge:



Cambridge University Press.

- Burrage, M. 2008. *Class Formation, Civil Society And The State*. New York: Palgrave Macmillan.
- Celichowski, J. 2004. Civil society in Eastern Europe: growth without engagement. Dlm. M. Glasius, D. Lewis & H.Seckinelgin (pnyt.). *Exploring Civil Society: Political And Cultural Contexts*, 71-79. London: Routledge.
- Chandhoke, N. 1995. *State and civil society: exploration in political theory*. London: Sage Publication.
- Cohen, J.L., & Arato, A. 1992. *Civil Society And Political Theory*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology Press.
- Denny J. Ali. 2001. *Democratization From Below: Protest Events And Regime Change In Indonesia 1997-1998*. Disertasi PhD, Ohio State University.
- De Lue, S. 1997. *Political Thinking, Political Theory And Civil Society*. Boston: Allyn & Bacon.
- Diamond, L. 1994. Rethinking Civil Society: Toward Democratic Consolidation. *Journal of Democracy* 5(3): 151-159.
- Dreano, B. 2004. In Paris, the global place is no longer Saint Germain des Prés: civil society and the France debate. Dlm. M.Glasius, D.Lewis & H.Seckinelgin (pnyt.). *Exploring Civil Society: Political And Cultural Contexts*, 93-100. London: Routledge.
- Franco, J.C. 2001. *Elections And Democratization In The Philippines*. New York: Routledge.
- Funston, J. 1999. Malaysia: a fatefull September. *Southeast Asian Affairs* 1999: 165-184.
- Gellner, E. 1994. *Conditions Of Liberty: Civil Society And Its Rivals*. London: Hamish Hamilton.
- Gomez, E.T. (pnyt.). 2004. *The state of Malaysia: Ethnicity, Equity And Reform*. London: RoutledgeCurzon.
- Gramsci, A. 1971. *Selections From The Prison Notebooks*. New York: International Publishers.
- Hall, J.A. 1995. *Civil Society: Theory, History And Comparison*. Cambridge: Polity Press.
- Harvey, R. 1978. *Portugal: Birth Of A Democracy*. London: MacMillan.
- Hegel, G.W.F. 1977. *The Philosophy Of Right*. Terj. T.M. Knox. Oxford: Oxford University Press.
- Huntington, S.P. 1991. *The Third Wave: Democratization In The Late Twentieth Century*. Oklahoma: Oklahoma University Press.
- Jesudason, J.V. 1995. Statist Democracy And The Limits To Civil Society In Malaysia. *Journal of Commonwealth & Comparative Politics* 33(3): 335-356.
- Keane, J. (pnyt.). 1988. *Civil Society And The State*. New York: Verso.

- Leftwich, A. 1993. Governance, Democracy And Development in the Third World. *Third World Quarterly* 14(3): 605-624.
- Locke, J. 1988. *Two Treatises Of Government*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Miller, Jr., F.D. 2002. Natural Law, Civil Society, And Government. Dlm. B. Rosenblum & R.C. Post (Pnyt.). *Civil Society And Governmnet*, 187-215. Princeton: Princeton University Press.
- O'Donnell, G., & Schmitter, P. 1986. *Transition From Authoritarian Rule: Tentative Conclusion About Uncertain Democracies*. Baltimore: John Hopkins University Press.
- O'Rourke, K. 2002. *Reformasi: The Struggle For Power In Post-Soeharto Indonesia*. Sydney: Allen & Unwin.
- Oommen, T.K. 2004. *Nation, Civil Society And Social Movements: Essay In Political Sociology*. London: Sage Publications.
- Osa, M. 2003. *Solidarity And Contention: Networks Of Polish Opposition*. Minneapolis: University Of Minnesota Press.
- Oxhorn, P. 1992. Bringing The Base Back In: The Democratization Of Civil Society Under The Chilean Authoritarian Regime. Disertasi PhD., Harvard University.
- Palmer, T.G. 2002. Classical Liberalism And Civil Society: Definitions, History, And Relations. Dlm. B. Rosenblum & R.C. Post (pnyt.). *Civil society and governmnet*, 48-78. Princeton: Princeton University Press.
- Putnam, R.D. 1995. Bowling alone: America's Declining Social Capital. *Journal Of Democracy* 6(3): 65-78.
- Robert, G., & Edwards, A. (pnyt.). 1991. *A New Dictionary Of Political Analysis*. London: Edward Arnold Publication.
- Rousseau, J-J. 1987. *On the Social Contract*. Terj. Donald Cress. Indianapolis: Hackett.
- Saliha Hassan. 2000. NGO, Masyarakat Sivil Dan Demokrasi. Dlm. Abdul Rahman Embong (Pnyt). *Negara, Pasaran Dan Pemodenan Malaysia*, 214-243. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Scalet, S. & Schmidt, D. 2002. State, Civil Society, And Classical Liberalism. Dlm. B. Rosenblum & R.C. Post (Pnyt.). *Civil Society And Governmnet*, 26-47. Princeton: Princeton University Press.
- Scherer, D, Facone, P.A., Attig, T., & Miller Jr., F.D. 1979. *Introduction To Philosophy: From Wonder To World-View*. Englewood Cliff: Prentice-Hall.
- Sohn, H.K. 1989. *Authoritarianism And Opposition In South Korea*. London: Routledge.
- Stepan, A. 1988. *Rethinking Military Politics: Brazil And The Southern Zone*. Princeton: Princeton University Press.
- Thompson, M.K. 2007. The dialectic of "good governance" and democracy in

- Southeast Asia. *Journal Globality Studies* 10(4): 1-19.
- Trentmann, F. 2004. The Problem With Civil Society: Putting Modern European History Back Into Contemporary Debate. Dlm. M. Glasius, D. Lewis & H. Seckinelgin (Pnyt.). *Exploring Civil Society: Political And Cultural Contexts*, 26-35. London: Routledge.
- Varshney, A. 2002. *Ethnic Conflict And Civic Life*. New Haven: Yale University Press.
- Waisman, C.H. 2006. Autonomy, Self-Regulation Dan Democracy: Tocquevillean-Gillnerian Perspectives On Civil Society And The Bifurcated State in Latin Amerika. Dlm. Richard Feinberg, Carlos H. Waisman & Leon Zamosc. *Civil Society And Democracy In Latin Amerika*, 17-34. New York: Palgrave Macmillan.
- Weiss, M.L. 2001. The Politics Of Protest: Civil Society, Coalition-Building, And Political Change In Malaysia. Disertasi Phd., Yale University.
- Weiss, M.L. 2003. Malaysian NGO: History, Legal Framework And Characteristic. Dlm. M.L. Weiss & Saliha Hassan (Pnyt.). *Social Movement In Malaysia: From Moral Communities To Ngos*, 17-44. London: Routledgecurzon.
- Wellhoer, E.S. 2005. Democracy, Facism And Civil Society. Dlm. S. Roßteutscher (Pnyt.). *Democracy And The Role Of Associations: Political, Organizational And Social Contexts*, 19-45. London: Routledge.